


PERCUMA

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

1 - 15 JUN, 2023

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

**KETUA Menteri dan Anwar Ibrahim berbual mesra pada Majlis Peluncuran Projek Pembinaan Masjid Mengkuang Titi di sini baru-baru ini.**



## Realisasikan pembinaan Masjid Mengkuang Titi

**PENANTI** - Pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di negeri Pulau Pinang memperuntukkan sejumlah RM1.1 juta daripada RM9 juta anggaran kos keseluruhan bagi projek pembinaan Masjid Mengkuang Titi, sementara RM2.5 juta lagi dana pembangunan adalah hasil kutipan ahli kariah tempatan di sini.

Sambil memuji inisiatif kewangan kedua-dua pihak berkenaan, Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim berkata bahawa pentadbirannya akan meluluskan peruntukan Persekutuan berjumlah RM5.4 juta bagi membiayai baki kos projek pembinaan masjid baharu tersebut.

"Maknanya, mendirikan masjid itu serta memakmurkan masjid adalah seruan kepada semua, tanggungjawab Kerajaan Negeri ada, tanggungjawab Kerajaan Persekutuan lebih besar, malah tanggungjawab (peringkat) kariah juga ada.

"Jadi, kita semua ada 'saham' dalam pembinaan masjid (yang mana) pembangunan masjid (baharu) itu bukan (daripada sudut) gedung atau keindahan (seni binanya), tetapi pengisian (pengimarahannya)," jelasnya yang juga Menteri Kewangan semasa berucap pada Majlis Peluncuran Projek Pembinaan Masjid Mengkuang Titi di sini pada 14 April 2023.

Di samping itu, Anwar berkata bahawa Islam adalah agama yang membela nasib orang miskin pada peringkat kariah sehingga dalam sejarah awal pembangunan masyarakat terdahulu menyaksikan Khalifah Ar-Rasyidin Saidina Abu Bakar As-Siddiq pernah mengisytiharkan perang ke atas golongan yang tidak membayar zakat demi memelihara kepentingan semua asnaf.

Berucap sebelum itu, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi menyatakan bahawa pentadbirannya melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) bersama-sama Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang (Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, ICU Jabatan Perdana Menteri) akan merealisasikan projek pembangunan masjid dua tingkat di atas tanah berkeluasan 3.2 ekar di sini dalam tempoh dua tahun mulai 2024.

> **"Dengan reka bentuk bangunan dua tingkat, Masjid Mengkuang Titi dijangka mampu menampung sejumlah 1,500 jemaah pada satu-satu masa."**
>
> **- Kon Yeow**

"Dengan reka bentuk bangunan dua tingkat, Masjid Mengkuang Titi dijangka mampu menampung sejumlah 1,500 jemaah pada satu-satu masa.

"Diharapkan, masjid ini akan diimarahkan sebaiknya oleh penduduk setempat dengan program-program keagamaan serta kemasyarakatan yang dapat mengeratkan lagi ukhuwah dalam kalangan ahli kariah," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow memberitahu bahawa pentadbirannya dalam tempoh tahun 2022 hingga 2025 merancang pembangunan tujuh masjid iaitu Masjid Papan Seberang Jaya, Masjid Sungai Lokan, Masjid Sungai Dua Utama, Masjid Bandaraya Seberang Perai (dekat Bandar Cassia Batu Kawan), Masjid Lama Sungai Bakap, Masjid Lama Sungai Kechil dan Masjid Bandar Putra Bertam dengan pembiayaan Kerajaan Negeri berjumlah RM18 juta.

Di samping itu, beliau memberitahu bahawa pentadbirannya bagi tahun 2023 meneruskan komitmen dalam memartabatkan agama Islam di negeri ini dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM75.08 juta iaitu peruntukan yang tertinggi berbanding sebelum ini.

"(Keseluruhan berjumlah RM75.08 juta) ini merangkumi pembangunan bagi tujuan pembinaan; pembaikan dan naik taraf masjid; surau dan sekolah agama; bayaran bantuan pendidikan untuk sekolah agama; bayaran guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dan pegawai masjid; peruntukan mengurus jabatan negeri berkaitan hal ehwal agama Islam; peruntukan bagi pelaksanaan program dan majlis agama serta lain-lain yang berkaitan.

*(Sambungan di muka 2).*

# Apa kata mereka?

**DALAM** tinjauan Buletin Mutiara baru-baru ini, rata-rata responden yang ditemui berharap projek Masjid Mengkuang Titi dapat menyelesaikan isu ruang solat Jumaat yang begitu terhad selama ini.



**MOHAMAD Adib Ismail.**

Pengerusi Kariah Mengkuang Titi, **MOHAMAD ADIB ISMAIL** berkata bahawa sebelum ini menyaksikan solat Jumaat terpaksa diadakan di Surau Taman Malwira dengan melibatkan kira-kira 3,000 jemaah lelaki.

"Lantaran itu, sekitar tahun 2021, pihak kariah Mengkuang Titi melancarkan kutipan dana dan syukur alhamdulillah berjaya dikumpul sebanyak RM2.5 juta, malah sebagai makluman, kutipan dana masih lagi dijalankan bagi menyempurnakan masjid.

"Masjid sememangnya satu keperluan untuk penduduk di sini dek ketiadaan ruangan yang mencukupi, ramai jemaah perlu ke kawasan berlainan untuk menunaikan solat Jumaat khususnya.

"Aktiviti seperti solat fardu dan bacaan yasin diadakan setiap minggu, malah tapak untuk mengadakan kenduri atau majlis juga disediakan secara percuma bukan sahaja untuk anak kariah, malahan juga penduduk lain di sini," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL**, bersama-sama jurugambar **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** di sini baru-baru ini.

Bagi peniaga, **NORSHAM HUSSEN**, 58, pula, beliau beranggapan ruangan tanah perkuburan di Masjid Mengkuang Semarak hampir penuh dan khuatir tidak dapat memuatkan lagi jenazah kariah Mengkuang Titi.

"Seperti yang dimaklumkan, kariah Mengkuang Titi telah memuatkan jenazah di masjid lain dek ketiadaan tanah perkuburan di kariah ini sehinggakan ruangan dekat tanah perkuburan sudah hampir penuh.



**NORSHAM Hussen.**

"Justeru, dengan adanya masjid baharu berkeluasan 3.2 ekar ini, diharapkan ia mampu memuatkan lokaliti di sini apabila sudah tiba masanya kelak.

"Bagi saya, dengan adanya masjid juga kesempurnaan untuk menunaikan solat turut terjaga dan memudahkan kebanyakan warga emas di sekitar sini dan tidak perlu memanjat tangga surau usang lagi," ulasnya lanjut.

Bagi penduduk lokal, **AHMAD MAHMUD**, 72, yang ditemui kemudian menyatakan bahawa beliau turut berkongsi perasaan teruja dalam kalangan penduduk lokal berhubung hasrat pembangunan masjid baharu itu.



**AHMAD Mahmud.**

"Pembinaan masjid di sini sememangnya ditunggu-tunggu sejak dulu lagi apabila berlakunya pecahan kariah kerana menurut pemerhatian saya, sekolah agama dan tahfiz di sini sangat banyak.

"Cuma permasalahannya, mereka perlu menyewa van atau bas setiap minggu dan pergi solat Jumaat ke masjid kawasan lain dek ruangan solat yang terhad di surau-surau sekitar yang hanya boleh memuatkan 350 jemaah sahaja.

"Diharapkan dengan pembinaan masjid ini, ia akan mengimarahkan penduduk setempat dengan program-program keagamaan serta kemasyarakatan, yang mana secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi ukhuwah dalam kalangan ahli kariah di sini," ujarnya.

Dalam pada itu, Exco Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, **DR. NORLELA ARIFFIN** menyatakan bahawa pihaknya sebelum ini telah menghantar beberapa surat permohonan peruntukan bagi meringankan kos pembinaan masjid dan syukur permohonan tersebut mendapat perhatian Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim serta kelulusan peruntukan pada peringkat Persekutuan sebanyak RM5.4 juta.

"Kawasan Kampung Mengkuang Titi dilihat bakal mengalami pembangunan luar biasa ditambah dengan pembinaan rumah, pusat-pusat pengajian Islam dan masjid baharu di sini, pastinya penduduk akan lebih teruja serta selesa dengan pelbagai anjuran aktiviti, kenduri-kendara, majlis doa selamat dan lain-lain lagi.

"Sebelum ini, solat jumaat dan solat terawih diadakan di surau berdekatan, dek keadaannya yang sudah usang, pihak saya menaik taraf surau berkenaan serta menyediakan tempat pengajian Al-Quran, dan pemasangan penyaman udara di ruangan solat bagi keselesaan jemaah agar lebih kondusif," jelasnya sambil menyifatkan rasa kasihan terhadap jemaah wanita yang telah lanjut usia dan perlu memanjat tangga usang untuk menunaikan solat.



**ILUSTRASI grafik Masjid Mengkuang Titi yang bakal dibina untuk kepentingan komuniti setempat.**





**DR. NORLELA Ariffin.**

*(Sambungan dari muka 1).*

## Diimarahkan sebaiknya oleh penduduk setempat

"Kita di Pulau Pinang yakin panduan dan ikhtiar secara bersepadu dan holistik sebagai dasar pentadbiran yang lebih manusiawi Malaysia Madani bakal membina semula ekonomi keseluruhannya, menjamin kesejahteraan insan, mereformasi institusi demokrasi serta perundangan dan seterusnya mewujudkan pentadbiran beramanah," ulasnya sambil berharap kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat kian erat demi memakmurkan kehidupan rakyat di Pulau Pinang.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Yang Dipertua MAINPP; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd. Sayuthi Bakar; Ketua Pengarah ICU JPM, Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz; Mufti Negeri, Sohibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor; barisan Ahli Parlimen dan ADUN; Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan serta ahli kariah tempatan turut sertai majlis peluncuran projek pembinaan masjid baharu tersebut.

# Misi penting pastikan pembangunan Seberang Perai

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PERAI** - Dalam tempoh 20 tahun kebelakangan ini, pembangunan industri serta limpahan ekonomi di bahagian Seberang Perai adalah kian seimbang berbanding bahagian pulau negeri ini, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

"Pembangunan tertumpu di bahagian pulau bermula sejak 200 tahun dahulu yang mana proses industri dan pembangunan ekonomi juga bermula di bahagian ini (pulau) khususnya apabila wujudnya Zon Industri Bebas di Bayan Lepas.

"Tetapi dalam 20 tahun kebelakangan ini, saya percaya Seberang Perai telah juga meningkat (limpahan) pembangunan dengan lebih terancang khususnya dalam sektor industri iaitu dari kawasan Perai hingga Batu Kawan," jelasnya pada Majlis Pelancaran Pusat Penang2030 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Perai serentak dengan acara Kempen Derma Darah dekat Dewan Serbaguna Taman Chai Leng di sini pada 9 April 2023.

Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi berkata bahawa agensi-agensi negeri seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), *Invest Penang* (IP), ketiga-tiga Pejabat Tanah dan Daerah (di Seberang Perai) serta jabatan-jabatan kerajaan berkaitan mempunyai misi yang penting dalam memastikan pembangunan masa depan di bahagian Seberang Perai dan juga pulau kian seimbang.



KETUA Menteri dan Prof. Dr. P. Ramasamy mengambil bahagian dalam salah satu aktiviti yang diadakan bersempena Majlis Pelancaran Pusat Penang2030 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Perai di sini baru-baru ini.



SEBAHAGIAN kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam aktiviti yang dijalankan.

"Dalam tempoh 10 tahun ini, kita dapat melihat betapa pesat pembangunan industri di kawasan Batu Kawan, Bukit Minyak di samping tambahan kawasan perindustrian sedia ada seperti Mak Mandin, Perai; kawasan industri Permatang Tinggi; kawasan industri Bukit Minyak; kawasan industri Valdor; Jawi dan sebagainya," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Malah, baru-baru ini menurut Kon Yeow, Kerajaan Negeri melalui syarikat swasta membuka satu lagi kawasan perindustrian baharu iaitu Penang Technology Park@Bertam dekat kawasan Parlimen Kepala Batas khusus untuk pelaburan industri berteknologi tinggi.

"Kita tahu bahawa dengan pembukaan kawasan industri baharu ini ia akan menjadi pencetus pada industri lain seperti perumahan dan (projek) komersial," ulasnya lanjut.

Berucap sebelum itu, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga ADUN Perai berkata bahawa dengan pembukaan Pusat Penang2030 KADUN Perai, ia akan membantu agenda pembangunan peringkat komuniti lokal.

Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), P. David Marshell antara pemimpin negeri yang menyertai majlis perasmian dwi acara tersebut tadi.

## Muzium Negeri Pulau Pinang Lebuh Farquhar jangka buka tahun depan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** - Muzium Negeri Pulau Pinang Lebuh Farquhar dijangka dibuka semula selewat-lewatnya pertengahan 2024 setelah kerja-kerja naik taraf bangunan dan bahan pameran selesai.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin berkata bahawa pembukaan semula muzium yang menjadi mercu tanda negeri ini adalah meliputi sebahagian bangunan asal yang pernah dibom dalam Perang Dunia Kedua pada tahun 1942.

"Bangunan yang dibina pada tahun 1821 ini menyimpan pelbagai sejarah seperti menempatkan Sekolah Penang Free dan pernah dicadangkan untuk dirobohkan, namun ia dibatalkan setelah Perdana Menteri Malaysia pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mencadangkan bangunan ini dijadikan sebagai muzium.



(Dari kiri), AR. Nik Rahiman Nik Mohd. Taib, Dr. Roslinda Ghazali, Yeoh Soon Hin dan Haryany Mohamed merakam gambar kenangan di hadapan sayap bangunan yang pernah dibom dan kini dalam fasa naik taraf seusai sidang media di sini baru-baru ini.

"Akhirnya pada tahun 1964, bangunan berkaitan telah menempatkan Muzium dan Balai Seni Lukis Pulau Pinang dan telah dirasmikan oleh Gabenor Pulau Pinang pertama, Raja Tun Uda Raja Muhammad.

"Setelah 52 tahun melalui liku-liku sebagai muzium, pada 14 April 2017, bangunan tersebut ditutup bagi memberi laluan kepada kerj-kerja restorasi dan baik pulih bagi memelihara aspek warisannya," ujarnya pada sidang media bersempena lawatan ke sebahagian bangunan Muzium Negeri Pulau Pinang Lebuh Farquhar di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang (LMNPP), Haryany Mohamed; wakil penguasa Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang, Dr. Roslinda Ghazali dan Pengarah Eksekutif Urbanisma Consulting Group Sdn. Bhd., Ar. Nik Rahiman Nik Mohd. Taib.

Tambah Soon Hin, pengubahsuaian ikon bersejarah itu akan memberikan nafas baharu dengan menempatkan pameran berkonsepkan Rukun Negara di dalam bangunan yang bercirikan sekolah berkenaan.

"Konsep muzium juga perlu sesuai dengan peredaran zaman yang mana kita berhasrat menjadikannya sebagai sebuah lokasi mahu dikunjungi oleh pelancong bagi membolehkan orang ramai kenal lebih dekat dan hayati asal usul Pulau Pinang," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong.

Pada sidang media sama, Haryany memaklumkan bahawa konsep muzium baharu itu dilihat lebih interaktif serta kontemporari, dan akan membawa pengunjung kembali semula ke zaman asal ketika mana bangunan tersebut didirikan juga berfungsi.

"Kita berharap bersempena Hari Muzium Antarabangsa yang akan dihoskan oleh LMNPP tahun hadapan, Muzium Negeri Pulau Pinang di Lebuh Farquhar ini dapat dibuka semula kepada orang ramai.

"Kita sasarkan sekurang-kurangnya 5,000 pengunjung pada setiap bulan ketika awal pembukaannya dan tidak ketinggalan adalah tapak ekskavasi di halaman muzium yang dibina khas bagi menunjukkan kawasan asal sayap kanan bangunan sebelum ianya dibom oleh pihak British ketika Jepun menduduki bangunan ini," ulasnya lanjut.



# Cikgu Sharifah
# Pertubuhan Wanita

**CIKGU Sharifah Noorriati Syed Amirudin atau juga dikenali sebagai 'Mak Chaq'.**



**MUNGKIN** ramai tidak pihak tidak mengetahui bahawa konsep asal di sebalik penubuhan Pusat Jagaan Darul Hanan dekat Kepala Batas adalah dicetuskan oleh Pertubuhan Wanita PRIHATIN Pulau Pinang yang kini telah berusia kira-kira 27 tahun.

Berkongsi cerita lanjut, Presidennya, **CIKGU SHARIFAH NOORRIATI SYED AMIRUDIN** berkata bahawa idea itu tercetus susulan pengalaman sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti kesukarelawan peringkat lapangan di negeri ini.

"Aktiviti NGO kami adalah berorientasikan kebajikan, apabila kita menyasarkan untuk membantu kelompok ibu tunggal, anak yatim dan golongan gelandangan, baru kita sedar rupa-rupanya tidak banyak pertubuhan memberi tumpuan kepada kelompok warga emas yang terabai hidup mereka.

"Sepanjang dalam gerakan sukarelawan ini, Pertubuhan Wanita PRIHATIN Pulau Pinang pernah menemukan pelbagai kes, antaranya adalah ada warga emas beragama Islam hidup sebatang kara bersama-sama 'najis' di rumah mereka tanpa makanan, minuman serta perhatian pihak berkaitan.

"Kes-kes sebegini sebenarnya bukan melambangkan kelemahan agensi-agensi kerajaan berkaitan, sebaliknya menunjukkan kepada kepada kami sebagai sukarelawan NGO betapa perlunya sebuah pusat jagaan warga emas khusus untuk mereka yang beragama Islam.

"Di luar sana, kita dapati ada pelbagai institusi bukan kerajaan mewujudkan pusat jagaan warga emas, tetapi tidak ada yang khusus untuk mereka yang beragama Islam.

"Semasa Tun Abdullah Ahmad Badawi atau mesra dipanggil 'Pak Lah' menjadi Perdana Menteri Malaysia, kami (peringkat NGO) ada mengemukakan kertas kerja konsep untuk mewujudkan sebuah pusat jagaan warga emas khusus untuk mereka yang beragama Islam.

"Malah, kertas kerja ini juga turut dihantar kepada beberapa pihak berkepentingan dalam menjayakan misi penubuhan pusat berkenaan," katanya dalam sesi temu ramah bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **LAW SUUN TING** dekat perkarangan pejabat sementara NGO tersebut dekat Kampung Seronok, Bayan Lepas.

Tanpa menoleh ke belakang lagi, justeru, Cikgu Sharifah Noorriati yang mesra dipanggil 'Mak Chaq' menyatakan bahawa NGO berkenaan berharap dapat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri hari ini dalam mewujudkan pusat jagaan warga emas ala resort khusus untuk mereka yang beragama Islam di bahagian pulau, memandangkan Pusat Jagaan Darul Hanan sedia ada hampir mencapai kapasiti maksimum.

"Impian kami adalah mewujudkan sebuah rumah untuk warga emas beragama Islam nak huni, tempat tinggal yang mereka boleh bercucuk tanam, ada kelas mengaji agama, ada kemudahan rawatan, fisioterapi serta memenuhi keperluan aktiviti mereka sebagai persediaan sebelum menuju ke 'dunia abadi'.

"Dalam impian kami, ia adalah lebih lengkap lagi kemudahan berbanding yang telah wujud di (Pusat Jagaan) Darul Hanan, di bahagian pulau pula.

"Pusat jagaan warga emas yang khusus untuk mereka yang beragama Islam ini sepatutnya diuruskan sendiri oleh Pertubuhan Wanita PRIHATIN Pulau Pinang kerana kertas kerja asal itu asalnya daripada NGO kami," ujarnya.

Menurut beliau, cadangan NGO berkenaan adalah wajar memandangkan Malaysia sedang menuju 'Negara Tua' yang mana menurut Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun lepas menjelang 2023, dijangka 15.3 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk negara adalah berusia 60 tahun dan ke atas.

Ia bermakna, menurut pengasas NGO tersebut, populasi warga emas ketika itu akan menjangkau 5.8 juta orang daripada keseluruhan 38.1 juta jumlah penduduk negara.

"Kenapa Pertubuhan Wanita PRIHATIN Pulau Pinang tumpu pada warga emas yang hidup sebatang kara tanpa jagaan ini, kerana ramai buat program sukarelawan untuk kanak-kanak dan belia sampai ada Kementerian Belia dan Sukan, juga Jabatan Pendidikan untuk kanak-kanak.

"Ada tak jabatan khusus untuk warga emas, walhal Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng selalu bercakap bahawa masyarakat kita sedang menuju kepada (status) 'masyarakat tua'.

"Jabatan Kebajikan (Masyarakat, JKM) tumpu aspek kebajikan ibu tunggal, kanak-kanak dan golongan gelandangan, tetapi di luar negara ada kementerian khusus untuk warga emas," ulasnya.

Tidak terbatas kepada isu yang menyangkut kepentingan warga emas yang hidup sebatang kara sahaja, Cikgu Sharifah Norriati memberitahu bahawa Pertubuhan Wanita PRIHATIN Pulau Pinang akan terus berusaha membantu golongan wanita muda bekerjaya supaya terus kekal dalam sektor tenaga kerja aktif di negeri ini.

"Saya bukan usahawan kilang, tetapi saya boleh faham bagaimana majikan melihat pekerja kilang yang rata-ratanya adalah gender wanita.

"Jadi, kalau kita mahu kekalkan pekerja wanita dalam sektor pekerjaan,



RUPA bentuk pejabat sementara Pertubuhan Wanita PRIHATIN Pulau Pinang dekat Kampung Seronok, Bayan Lepas.

# pencorak empat teras perjuangan PRIHATIN Pulau Pinang




SEBAHAGIAN ahli-ahli jawatankuasa pertubuhan.

pihak berwajib tidak boleh meletakkan beban sepenuhnya atas bahu majikan.

"Contoh, penambahan cuti bersalin daripada 60 hari kepada 98 hari selepas penguatkuasaan Pindaan Akta Kerja 1955 dikuatkuasakan pada 1 Januari 2023, apa jadi pada kilang kalau pihak majikan sahaja terpaksa serap kos di sebalik dasar yang begitu baik ini.

"Begitu juga dalam sektor tadika bukan kerajaan, majikan tidak dapat mencari pengganti sementara selama cikgu yang ada cuti bersalin selama 98 hari ini, yang pasti melibatkan peningkatan kos operasi.

"Mereka yang cuti bersalin selama 98 hari perlu dibayar gaji, begitu juga guru sementara, jadi majikan terpaksa menanggung kos berganda.

"Adakah ini adil bagi majikan yang memang mahu lebih ramai wanita masuk dalam sektor pekerjaan aktif ini," soal beliau dalam nada sederhana.

Mencerap realiti yang ditanggung oleh majikan serta keperluan mengekalkan wanita sebagai tenaga buruh aktif dalam sektor pekerjaan berkaitan, Cikgu Sharifah Noorriati berkata bahawa Pertubuhan Wanita PRIHATIN Pulau Pinang ada cadangan alternatif untuk dipertimbangkan oleh semua pemegang taruh dalam isu berbangkit ini.

"Kenapa tidak kita mewujudkan 'situasi menang-menang' yang mana cuti bersalin selama 98 hari ini tetap diteruskan, dengan memperluaskan pelindungan di bawah Skim Insurans Pekerja (SIP) yang diwujudkan oleh Pertubuhan Keselamatan Pekerja Sosial (PERKESO) supaya majikan bukan kerajaan tidak menanggung sepenuhnya peningkatan kos di sebalik dasar pro pekerja wanita ini.

"SIP ini perlu dimanfaatkan untuk majikan membayar gaji kepada pekerja sementara selama tempoh seseorang pekerja cuti bersalin selama 98 hari, ataupun SIP ini membantu untuk bayar gaji mereka yang cuti bersalin (sementara) pihak majikan menanggung kos pembayaran gaji kepada pekerja ganti sementara berkenaan.

"Syor ini dapat mengelakkan risiko majikan kilang tidak mahu merekrut pekerja wanita kerana tidak mahu menanggung kos berganda jika mereka bercuti bersalin selama lebih tiga bulan ini, bagitu juga majikan tadika merekrut lelaki walhal wanita dilihat lebih sesuai menjadi guru peringkat pra sekolah," jelasnya lanjut.

Tambah beliau, kalau boleh Pertubuhan Wanita PRIHATIN Pulau Pinang juga mahu perluasan perlindungan di bawah SIP berkaitan turut membayar gaji kepada golongan bapa selama tempoh cuti paterniti tujuh hari.

"Kita tidak mahu hanya pekerja wanita sahaja 'menang', tetapi pekerja lelaki juga 'menang', baru boleh menyemarak perasaan saling kasih sayang sesama gender suami dan isteri ini," ujarnya.

Selain itu, Cikgu Shariah Noorriati memberitahu bahawa Pertubuhan Wanita PRIHATIN Pulau Pinang mencadangkan supaya proses perbandaran ini disusun semula dengan mengambil kira wanita sebagai usahawan serta ejen penyumbang kepada ekonomi negeri dan negara.

"Satu lagi perjuangan kami (Pertubuhan Wanita PRIHATIN Pulau Pinang) adalah usahawan wanita, kalau wanita nak membantu masyarakat, mereka mesti terlebih dahulu mempunyai kemampuan kewangan yang kukuh.

"Kerajaan hari ini berjaya membekalkan Rumah Mampu Milik (RMM), kalau tanya kepada saya - saya tertanya-tanya juga 'gerai mampu milik' cukup tak untuk rakyat khususnya usahawan baru wanita.

"Peringkat (Pertubuhan Wanita PRIHATIN Pulau Pinang), kita juga berjuang untuk memastikan pihak berwajib mewujudkan lebih banyak 'gerai mampu milik'.

"Janganlah 'gerai mampu milik' ini kalau dibina, dibina di lokasi tidak strategik seperti 'di balik bukit' sementara pusat membeli belah yang menjadi tumpuan pengunjung tak ada langsung unit 'gerai mampu milik' sebagai sokongan pada usahawan baru wanita," tegasnya.

Mengakhiri bicarawara, Cikgu Sharifah Noorriati menyatakan bahawa Pertubuhan Wanita PRIHATIN Pulau Pinang mencadangkan teras perjuangan keempat peringkat NGO yang mana selepas ini adalah agenda pembelaan kepada golongan gelandangan.

"Gelandangan ini lebih ketara dapat kita lihat di bandar-bandar utama sahaja, yang mana kalau kita mendekati kelompok ini, sebenarnya mereka bukan tidak ada kerjaya atau duit ringgit, tetapi pendapatan mereka itu memaksa mereka tidak mampu sekurang-kurangnya menyewa bilik di kawasan bandar-bandar tersebut.

"Jadi, kalau pihak berwajib hanya menyediakan pusat transit untuk gelandangan supaya mereka tidak tidur di kaki lima bawah bangunan semata-mata, sistem sokongan ini tidak akan membantu mereka untuk memperbaiki kehidupan mereka.

"Perlu inisiatif dalam bentuk program kerajaan untuk golongan gelandangan ini ada pendapatan yang membolehkan mereka sekurang-kurangnya boleh makan dan beli pakaian serta mampu menyewa bilik sekurang-kurangnya," serunya.

Di bawah program insentif kerajaan berkaitan, beliau berkata bahawa golongan gelandangan layak menerima upah harian yang wajar apabila melakukan kerja-kerja yang ada nilai dalam sosioekonomi negeri.

"Di bandar, kalau OKU (orang kurang upaya) yang bekerja layak menambah elaun tambahan daripada JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) sekiranya bekerja di *McDonald's* umpamanya, apalah salah kiranya jika program gaji sosial seumpama ini diperluaskan kepada gelandangan untuk kerja-kerja mencuci pinggan di restoran atau pembersihan di bandar," ulasnya.

Menurut Cikgu Sharifah Noorriati, cadangan tersebut bukan sahaja akan menambah kuasa membeli dalam kalangan golongan gelandangan untuk memperbaiki kehidupan mereka, malah sekali gus membantu sektor-sektor ekonomi berkaitan bagi menjual produk serta perkhidmatan masing-masing.

"Kalau bincang peringkat NGO, memang ada banyak lagi yang kami nak buat bagi membela kebajikan golongan yang tidak bernasib baik seperti anak yatim, ibu tunggal atau 'ibu tinggal', warga emas dan satu lagi kelompok adalah gelandangan.

"Kalau diberi pilihan, kelompok gelandangan pun mengimpikan sekurang-kurangnya mampu menyewa bilik serta tidak terus duduk tidur di kaki lima bawah bangunan, bukan hanya mahu menunggu program agihan makanan percuma daripada pelbagai NGO termasuk Pertubuhan Wanita PRIHATIN Pulau Pinang.

"Sebelum terlupa, (agensi negeri) Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan pihak YB Chong Eng sebelum ini menjadikan PPR (Projek Perumahan Rakyat) Desa Wawasan sebagai tapak projek perintis dengan mewujudkan peluang pekerjaan pembersihan melibatkan penghuni di situ dalam kalangan ibu tinggal dan sebagainya, bagi saya suatu bentuk kejayaan memperkasa sosial serta sosioekonomi rakyat.

"Sebab itu, mungkin Kerajaan boleh memulakan program kerja sosial dengan penglibatan kelompok gelandangan yang memang ada kudrat untuk bekerja ini (tetapi tidak ada peluang kerjaya dengan upah wajar), sebagaimana JKM berjaya mewujudkan elaun tambahan bagi OKU yang ada kemampuan bekerja serta duduk dalam sektor tenaga kerja aktif negara," ujarnya lanjut.

# MPKK Cherok Tok Kun

**TAMAN** Rimba Bukit Mertajam yang lebih dikenali sebagai Hutan Lipur Cherok Tok Kun merupakan antara destinasi pelancongan terkenal di negeri Pulau Pinang.



**MOHD. Zainizam Zainol Abidin.**

Dengan keluasan lebih kurang 37.0 hektar dan puncak tertinggi mencapai 545.0 meter (m) dari aras laut, semestinya akan memberi kepuasan tersendiri kepada para penggemar aktiviti lasak.

Mereka boleh memilih, sama ada untuk merentas hutan *(jungle trekking)* atau basikal gunung *(downhill mountain bike)* ataupun mencerap burung hijrah sambil mandi rimba *(forest bathing)*.

Di taman rimba itu, sehingga kini masih terdapat pokok-pokok dan tumbuhan asal seperti Meranti Seraya *(Shorea curtisii)* dan Meranti Rambai Daun *(Shorea acuminata)*.

Aktiviti pendakian yang mencabar dari bawah sejauh 3.5 kilometer (km), akan mengambil masa lebih sejam bagi pendaki bertaraf sederhana untuk sampai ke Stesen 3 di puncak bukit tersebut.

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Cherok Tok Kun, **MOHD. ZAINIZAM ZAINOL ABIDIN**, 48, berkata bahawa 'Tualang Gergasi' iaitu pokok terbesar di Pulau Pinang pun terdapat di Taman Rimba Bukit Mertajam.

"Semua sedia maklum bahawa Hutan Lipur Cherok Tok Kun ini ada pelbagai daya tarikan untuk membawa pelancong tempatan dan pengembara antarabangsa ke kawasan kami ini.

"Kerana daya tarikan ini pun, kami sebagai anak jati tempatan pun memang mendaki taman rimba ini sebagai aktiviti santai sambil mengeluarkan peluh.

"Mungkin selepas ini, peringkat MPKK Cherok Tok Kun boleh memikirkan kaedah supaya daya tarikan yang telah sedia ada di hutan lipur ini, boleh membawa limpahan ekonomi kepada komuniti setempat.

"Dengan tunjuk ajar serta nasihat daripada renjer hutan, kalau pada masa hadapan MPKK Cherok Tok Kun boleh membekalkan jurupandu terlatih untuk pengunjung yang mahu aktiviti mencabar di hutan lipur di sini.

"Kalau perkara sebegini boleh buat pada masa hadapan, ia akan 'mencantikkan' lagi profil MPKK Cherok Tok Kun pada masa hadapan, dalam memperkasakan komuniti setempat," jelasnya pada sesi wawancara bersama-sama Buletin Mutiara pada 15 Februari lalu.

Sesi yang dijalankan oleh wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** itu berlangsung di Pak Man Mee Kuah Ketam To' Kun di sini.

Mohd. Zainizam memberitahu bahawa semasa berlangsungnya Majlis Anugerah MPKK Terbaik Peringkat Negeri Pulau Pinang Penggal 2021/2022 pada 10 Februari lepas, MPKK Cherok Tok Kun dipilih sebagai yang kedua terbaik peringkat negeri.

Menurut beliau, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dengan diiringi Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman menyampaikan hadiah berupa RM10,000 bersama trofi kepada pihaknya ekoran kemenangan berkaitan.

"Sebenarnya, kita (peringkat jawatankuasa MPKK Cherok Tok Kun) tidak sangka akan mewakili daerah Seberang Perai Tengah (SPT), selepas dipilih sebagai johan peringkat daerah, kita masuk (saingan) Anugerah MPKK Terbaik Peringkat Negeri.

"Persiapan daripada segi dokumentasi dan sebagainya mula dibuat 'elok-elok' apabila kita (MPKK Cherok Tok Kun) dipilih mewakili daerah (SPT)," ujarnya lanjut.

Beliau memberitahu bahawa pihak Pejabat Daerah dan Tanah SPT banyak memberi nasihat serta tunjuk ajar dalam mengemas kini profil serta






No. Lesen Pemaju Perumahan: 11663-5/11-2023/0832(L) • Tempoh Sah: 17/11/2021-16/11/2023 • No. Permit Iklan & Jualan: 11663-4/07-2023/0307(R)-(L) • Tempoh Sah: 1 Tahun (29/07/2022-28/07/2023) • No. Rujukkan Kelulusan Pelan Bangunan: MPSP/40/20-74/55(PR1) (46) • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Seberang Perai • Tarikh Dijangka Siap: Julai 2023 • Bebanan Tanah: Tiada • Pegangan Tanah: Hak Milik Kekal • Harga Jualan: RM588,000.00 (min) RM800,000.00 (mak) • Saiz Lot: 22'x70' • Keluasan Tanah: 1540 kps (min) 3380 kps (mak) • Keluasan Binaan: 1805 kps (min) 1805 kps (mak) • Bilangan Rumah Yang Dibina: 44 Unit • 5% Diskaun Untuk Bumiputera.

Pemaju:
**Great Marvel Sdn Bhd** (862733-M)
(wholly-owned by Jade Marvel Group Berhad) (592280-W)
The C.E.O. Unit 31-16-3, Lebuh Nipah 5, 11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang.
Tel: 04 - 604 6899 Fax: 04 - 604 6898
Email: hq@jademarvel.com.my
Website: www.jademarvel.com.my

Diuruskan oleh:
**JSC Land Sdn Bhd**(1320895-P)
No. 2, Jalan Perdana, Taman Perdana,
14100 Simpang Ampat, Penang.
Phone : 04-5057311
Email : jscland31@gmail.com

**IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA**

# terus buru kedudukan terbaik

dokumentasi program anjuran MPKK Cherok Tok Kun.

"Semasa saingan peringkat negeri, kami (MPKK Cherok Tok Kun) berasa macam ada peluang untuk mendapat nombor satu, tetapi akhirnya diumumkan sebagai MPKK kedua terbaik peringkat negeri.

"Salah seorang juri memberitahu kepada saya - ada hikmahnya (MPKK Cherok Tok Kun) dapat nombor dua, tahun depan boleh ada peluang lagi rebut kejuaraan.

"Kalau dapat nombor satu, dah tak boleh masuk dah.

"Selepas mendengar nasihat juri berkenaan, kami peringkat jawatankuasa MPKK Cherok Tok Kun baru sedar ada beberapa lagi perkara tidak ditonjolkan dalam dokumentasi persembahan kami, mungkin dalam saingan (Anugerah MPKK Terbaik) akan datang, kita cuba untuk lengkapkan profil MPKK kita seperti usaha-usaha memperkasa ekonomi komuniti setempat dalam sektor pelancongan rimba ini pula," ulasnya.

Bercerita lanjut, Mohd. Zainizam menyatakan bahawa MPKK Cherok Tok Kun ketika ini masih belum mempunyai kolaborasi dengan pihak renjer hutan bagi mewujudkan peluang kerjaya seperti jurupandu kepada komuniti lokal.



MASJID Jamek Tok Kun.

"Setakat sekarang, kita (peringkat MPKK Cherok Tok Kun) ada menyampaikan hasrat (melatih jurupandu rimba dalam kalangan anak tempatan) kepada MBSP (Majlis Bandaraya Seberang Perai).

"MPKK Cherok Tok Kun selepas ini mungkin akan menganjurkan program merentasi hutan puncak Bukit Seraya yang mana ada tiga laluan iaitu dari sini (Hutan Lipur Cherok Tok Kun), (kedua) dari Kampung Teluk - satu kawasan lain yang masih di bawah MPKK Cherok Tok Kun, dan (ketiga) laluan paling senang melalui Machang Bubuk (di luar kawasan pentadbiran MPKK Cherok Tok Kun).

"Jalan pendakian ke Bukit Seraya ini ada pelbagai tempat bersejarah yang menarik (antaranya) struktur binaan lama empangan, kesan landasan keretapi, ada 'pokok terbesar di Pulau Pinang' seperti yang saya sebut sebelum ini, ada Air Terjun Tok Janggut."

"Semua tarikan ini, akan kita lengkapkan dalam profil MPKK akan datang jika kita berjaya menganjurkan program-program memperkasakan ekonomi komuniti lokal dalam sektor pelancongan desa nanti," katanya yang telah menjadi Pengerusi MPKK berkaitan selama dua tahun.

Pernah menjadi Setiausaha MPKK selama lapan tahun sebelum ini, Mohd. Zainizam memberitahu bahawa pihaknya senantiasa komited untuk memakmurkan ekonomi rakyat tempatan.

Ini, menurut beliau, termasuk menyokong usaha seorang pemilik kebun mempatenkan hasil buah duriannya sebagai 'Tokun Top'.

Mengakhiri bicarawara, Mohd. Zainizam menyatakan bahawa kedudukan kedua sebagai MPKK terbaik negeri sebenarnya membakar semangat mereka untuk memburu kejuaraan dalam saingan Anugerah MPKK Peringkat Negeri Pulau Pinang akan datang.

"Kita sedar bahawa saingan bertambah sengit, kerana usaha mengemas kini profil program dengan pelbagai aktiviti pemerkasaan komuniti bukan hanya kita (peringkat MPKK Cherok Tok Kun) sedang buat.

"Dah dapat 'nombor dua', jangan putus asa, kita usaha buat lebih baik lagi," serunya.

ECO HORIZON
CAMDON COLLECTION

EcoWorld mempersembahkan Koleksi Camdon di Eco Horizon - pembangunan seluas 45 ekar yang berpagar dan berkawal di bandar satelit Batu Kawan, Pulau Pinang.

Harga Minima : RM526,110.00
Harga Maksima : RM1,199,850.00
(Harga selepas bumiputera diskaun)

Unit Bumiputra kini dibuka untuk jualan dengan diskaun 5%.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 042272255.




Rumah Teres | Nama Pembangunan: ECO HORIZON SDN. BHD. (Dahulunya dikenali sebagai Teraju Pasifik Sdn. Bhd.)(1082988-W) | Galeri Jualan: PT 21145, Mukim 13, Lebuh Bandar Cassia, 14110 Bandar Cassia, Pulau Pinang | No. Lesen Pemaju: 19152-6/01-2024/35(L) | Tempoh Sah: 13/01/2022 – 12/01/2024 | No. Permit Iklan dan Jualan: 19152-6/01-2024/35 (P) | Tempoh Sah: 13/01/2022 – 12/01/2024 | Hak Milik Tanah: Pegangan Kekal | Bebanan Tanah: Public Investment Bank Berhad (20027-W) | Diluluskan Oleh: Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) | No. Rujukan Pelan Bangunan: MBSP/40/20-73/68 | Tarikh Dijangka Siap: Januari 2025 | Jenis Pembangunan: Rumah Teres, Jenis GHA, GHB, GHC, GHD, Jumlah Unit: 180, Keluasan Binaan: Minimum: 1619 kaki persegi, Maksimum: 1,687 kaki persegi. Harga Minimum: RM 885600.00, Harga Maksimum: RM 1,263,600.00.
Rumah Bandar | Nama Pembangunan: ECO HORIZON SDN. BHD. (Dahulunya dikenali sebagai Teraju Pasifik Sdn. Bhd.)(1082988-W) | Galeri Jualan: PT 21145, Mukim 13, Lebuh Bandar Cassia, 14110 Bandar Cassia, Pulau Pinang | No. Lesen Pemaju: 19152-4/02-2023/99 (L) | Tempoh Sah: 06/02/2021 – 05/02/2023 | No. Permit Iklan dan Jualan: 19152-4/02-2023/99(P) | Tempoh Sah: 06/02/2021 – 05/02/2023 | Hak Milik Tanah: Pegangan Kekal | Bebanan Tanah: Public Investment Bank Berhad (20027-W) | Diluluskan Oleh: Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) | No. Rujukan Pelan Bangunan: MBSP/40/20-73/68 | Tarikh Dijangka Siap: May 2024 | Jenis Pembangunan: Rumah Bandar, Jenis Type A, Type B dan Type C, Jumlah Unit: 224, Keluasan Binaan: Minimum: 904 kaki persegi, Maksimum: 1,313 kaki persegi. Harga Minimum: RM 553,800.00, Harga Maksimum: RM 1,036,100.00.
Sekatan-Sekatan Kepentingan: Tidak | Diskaun Bumiputera: 5%. | Kesemua ilustrasi adalah tanggapan artis sahaja. Pihak pemaju berhak mengubahsuai mana-mana bahagian bangunan, pembangunan dan/atau mana-mana unit sebelum siap seperti yang diperlukan oleh perunding pemaju dan/atau pihak berkuasa yang relevan. Sementara semua langkah yang wajar telah diambil dalam menyediakan informasi ini, pihak pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas apa-apa variasi atau ketidaktelitian.

A Joint Development By
EcoWorld Creating Tomorrow & Beyond
KWSP EPF

# Potensi sektor pelancongan pelayaran wajar diterokai



SALAH satu kemudahan jeti yang terdapat di Sungai Kerian bagi kemudahan penduduk setempat.

SEJAK hujung tahun 1980-an, sepasang suami isteri terlibat dalam industri pembuatan bot fiber begi memenuhi permintaan nelayan sungai mahupun pemegang taruh dalam sektor pelancongan berkaitan sekitar utara Semenanjung Malaysia.

Berbekalkan pengalaman itu, jurutera acuan bertauliah **JEREMY CHAN** mencabar diri dengan membina katamaran atau kapal layar mempunyai dua badan berkembar dan selari kedudukannya, bagi memenuhi permintaan seorang pelanggan.

Bercerita lanjut, **SHERRY LOW** memberitahu bahawa suaminya itu bukan sekadar berjaya membuat acuan katamaran sendiri, malah juga membina serta menjual tiga buah katamaran kepada pelanggan mereka.

"Pandemik COVID-19 sedikit sebanyak bukan sahaja menjejaskan sektor pelancongan domestik, malah sektor-sektor berkaitan pelancongan domestik.

"Semasa itu, saya memberitahu suami (Jeremy), kita pun tidak tahu berapa lama lagi para pekerja kita yang bukan warganegara akan membantu kita membina bot atau katamaran ini.

"Jadi, sebelum waktu genting sebegitu terjadi, apa kata kita mengubah sedikit corak perniagaan kita yang sebelum ini lebih menumpu pada reka bentuk acuan dan membina katamaran sahaja.

"Tiga buah katamaran telah berjaya dibina dan dijual kepada pelanggan di Lumut, sementara dua lagi kami bersetuju untuk urus sendiri kerana sektor pelancongan di Langkawi, Kedah selepas COVID-19 kian pulih," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD** di kawasan bengkel tersebut.

